yang lebih rendah bagi membiayai harga bahan tersebut. Kaedah ini juga
sama seperti barang keperluan lain seperti gula, minyak masak, tepung
gandum dan beras (jenis ST 15).²

4. Untuk makluman Yang Berhormat, selain mengawal kenaikan harga barang keperluan/perkhidmatan tertentu, subsidi juga bertujuan untuk memastikan kemudahan kepada rakyat dapat terus disediakan bagi perkhidmatan yang kurang menguntungkan atau tidak ekonomik. Sebagai contoh, Kerajaan menyalurkan peruntukan kepada pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi menyediakan perkhidmatan pengangkutan pada kadar tambang rendah kepada penumpang di sektor Wilayah Timur (Tumpat- Gemas) yang sukar mendapatkan perkhidmatan pengangkutan lain. Peruntukan yang disalurkan kepada KTMB adalah bagi membiayai perbezaan kos penyelenggaraan yang tidak dapat ditampung melalui kutipan tambang daripada perkhidmatan tersebut.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah untuk merasionalisasikan program subsidi/bantuan/insentif sedia ada. Ia bertujuan memastikan pemberian subsidi, insentif dan bantuan Kerajaan memberi fokus kepada kumpulan sasaran yang telah ditetapkan di samping memperoleh impak yang lebih berkesan.

6. Kerajaan amat peka terhadap kedudukan kewangan negara dan akan mengambil langkah-langkah perlu bagi mengelakkan negara berada dalam keadaan yang tidak diingini. Seperti yang dilakukan sebelum ini, Kerajaan akan mengamalkan pendekatan berhathhats apabita rnwiulat dan uiaiiisiriutfftKk&h &t--tutjt^ subsidy insenljt dan bantuarc &upaya kesejahteraan dsn kebajikan rakyat terns terjamin.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING
(KULAI)
TARIKH : 28 OKTOBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING (KULAI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap penambahbaikan jalan raya susulan daripada Audit Keselamatan Jalan Raya (*Road Safety Audit*) dan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperluaskan program audit tersebut ke jalan Pihak Berkuasa Tempatan.
M/AAPArA

Tuan Yang Di-Fertua;

Untuk makluman Mil Yang Berhormat, Audit Keselamatan Jalan

(K.;_ A) *j-rnvr*;, dil&'icanakan IKE, merupakan salah satu kaerAh antuk mencegah kemalangan di jalan raya, khususnya di Jalan Persekutuan. Proses RSA ini dibuat pada semua peringkat pelaksanaan jalan, bermula dari peringkat perancangan, reka bentuk, pembinaan dan pasca pembinaan. Dengan cara ini, sebarang aspek kejumlahan jalan yang boleh mengundang kemalangan akan dapat dikenal pasti lebih awal. Program RSA ini telah terbukti menjimatkan kos bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan, khususnya semasa di peringkat reka bentuk. Manakala bagi jalan-jalan yang telah siap dibina pula, RSA akan mencadangkan tindakan pembaikan terhadap lokasi-lokasi yang sering berlaku kemalangan atau *black spot* di bawah Program Keselamatan Jalan.

Menerusi Program Keselamatan Jalan, projek-projek keselamatan jalan seperti memperelokkan geometri jalan, pembinaan bahu jalan dan lorong memotong, lorong khusus motosikal dan juga jejantas pejalan kaki serta perabot jalan akan dibina di lokasi-lokasi yang dicadangkan oleh laporan RSA. Projek-projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan mengambil kira keutamaan lokasi dan peruntukan Kerajaan secara keseluruhan. Pada masa kini Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti sebanyak 169 lokasi-lokasi Jalan Persekutuan yang sering berlaku kemalangan (*black spot*) di seluruh negara dan memerlukan tindakan untuk dibaik pulih. Sehubungan itu bagi tahun 2010 sahaja, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM17 juta bagi menaik taraf 34 lokasi *black spot* di seluruh negara di mana daripada jumlah tersebut 30 lokasi telahpun siap dibaik pulih. Manakala baki untuk lokasi-lokasi blackspot lain akan dilaksanakan dalam RMKe-10.

Mengenai usaha untuk memperluaskan RSA ke peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula, Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama *Road Engineering Association of Malaysia* (REAM) sememangnya ada menjalankan kursus dan latihan RSA pada setiap tahun. Kursus ini dibuka dan dihadiri oleh semua agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, termasuk PBT-PBT di seluruh negara. Melalui pendedahan ini, PBT-PBT yang berkenaan akan memperoleh manfaat dari pengalaman JKR melaksanakan RSA di Jalan-Jalan Persekutuan dan seterusnya mempraktikkan program ini di kawasan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PCX A UP : ^

PEMERITAHUAM PERTAPYAAK! BAGI JAWAB USAPi
DEW AM RAKYAT

PERTAMYAAM : LISAPS
DARIPADA : TUAM LOKE SIEW FOOK [RASAH]
TARIKH : 28 OKTQBER 2010
RUJUCCAM : 304S

SOALAWk

Tuan Loke Siew Fook | Rasah | minta CENTERS DALAM NEGERI menyaiakan mengapa terdapat kanak-kanak yang lahir pada tahun 1988 mendapati status agama mereka salah "Maklumat Tidak Diperolehi" dalam

Sijil Kelahiran mereka apabila membuat cabutan di Jabatan Pendaftaran Negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Rasah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sijil Kelahiran yang dikeluarkan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) dan Kaedah- Kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1958 (Pindaan 2000) telah mengalami beberapa revolusi sejak akta tersebut dikuatkuasakan. Bermula dengan sijil tulisan tangan, mesin taip dan cetakan berkomputer.

Format Sijil Kelahiran pada tahun 80-an tidak mencatatkan agama ibu bapa dan kanak-kanak. Oleh yang demikian, pendaftaran kelahiran bagi kanak-kanak yang lahir pada tahun 80-an tidak mencatatkan maklumat tersebut. Bermula pada tahun 2000 di mana sistem perkomputeran mula diperkenalkan, JPN memperkenalkan format Sijil Kelahiran yang mencatatkan maklumat ibu dan bapa sahaja.

Sijil Kelahiran dengan ciri-ciri keselamatan mula diperkenalkan pada tahun 2008 di mana format tersebut mencatatkan maklumat agama ibu, bapa dan

kanak-kanak semasa kelahiran.

MG'MMi:28

f?ieh yang bemikian, cekErsnya cabutah 'p Keiabfraili bagt k&rial:■ [-.anat;
yang dfebbkah pada keiika twital: OijiE [a^ahiran tiada mencatatkaa agama
Eba, baya ban kanaE-akarsak akan dikebtarkan aebagai "IVlakir tiuc.it Hbak
bi^aro-jabb barana mr^jpfmat iBraebfb liaba of dsfara mkad baaan V'Mhm
bayatmanapUiL :,abitahya geniabon Eugb! marnasuEb:an niabEurnai
agansa sbu, bapa baa banaEabanab bf balarn Kelahiran boleh membuat
permohonan pembetulan maklumat di mana- mana JPN berhampiran.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,
PENGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT J
TARIKH	28 OKTOBER 2010[KHAMIS]

SOALAN

Dato¹ Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perlu khutbah Jumaat dibaca di dalam Bahasa Inggeris, contohnya di Masjid KLCC.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Khutbah Jumaat adalah salah satu medium dakwah bagi menyebarkan pelbagai aspek ilmu. Malah penyampaian ilmu dalam pelbagai bahasa termasuk Bahasa Inggeris adalah satu kelebihan. Apatah lagi Malaysia menjadi destinasi

NO. SOALAN: 201

pitihan bagi para pefajai ban lu&r aegara yartp btfapama hdsii!! umub menuntut ilmu clan berkhidmsfc dalam pekeijasn. Warm Hi kebanyakan daripada mereka tidak faham clan tidak boleh bertutur daiam Bahasa Metayu. Oleh itu wajarSah penggunaan Bahasa Snggeris dtyunakan didalam Khiitbah Jumaat seperti di IViasfEd KLCC kerana ia adaiab kawasan tnmpaan peisnc-ong.

Walau bagaimanapuri, JAKilV! beluni nieliaksanakars penyampaisn khuibab Jumaat dalam Bahasa Inggeris di Majid Negara, Masjid Putra dan Masjid Juanku Mizari Zainal Abidin dan hanya menyediakan *sub-titled* dalam Bahasa Inggeris untuk rujukan tetamu luar negara yang menunaikan solat di masjid.

Sekian, terinia kasih.

SOALAN

?Q

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINT1 KAMARUDDIN
(PKR) (AMPANG)

TARIKH : 28 OKTOBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin (PKR) (Ampang) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik warga tua (mengikut gender) dan ibu tunggal bagi 5 tahun terkini (2005 hingga 2010) yang terdapat di seluruh Malaysia mengikut negeri dan apakah skim-skim serta projek bantuan kebajikan yang telah disalurkan oleh Kerajaan melalui Kementerian berkaitan untuk mereka.

JAWAP/hM:

Timn 'i sfty Di-Pertua,

Berdasarkan Band Penduduk dan Perumahan Tahun 2000 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah warga emas di seluruh negara bagi tahun 2005 adalah seramai 173 Juta orang, tahun 2006 seramai 1.80 juta orang, tahun 2007 seramai 1.85 juta orang, tahun 2008 seramai 1.93 juta orang, tahun 2009 seramai 2.02 juta orang dan tahun 2010 sehingga bulan September seramai 2.13 Juta orang.

Berdasarkan Banci Penduduk dan Parumahan Negara Tahun 2000 juga,

bilangan ibu tunggal di Malaysia ialah seramai 126,810 orang atau 1.11 peratus daripada 11.4 juta penduduk perempuan tempatan. Jumlah ibu tunggal yang tertinggi adalah di negeri Selangor dengan jumlah seramai 16,748 orang diikuti negeri Perak seramai 15,969 orang dan negeri Johor seramai 14,790 orang. Manakala Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan bilangan paling sedikit iaitu seramai 162 orang.
Tuan Yang di-Pertua,

Skim bantuan yang disalurkan kepada warga emas dan ibu tunggal adalah seperti berikut:

Skim Bantuan	Kadar Sebulan	Kriteria Kelayakan
Bantuan Orang Tua	RM300	Warga emas berumur 60 tahun ke atas yang miskin dan memerlukan.
Bantuan Am	RM80 - RM350	Golongan yang memerlukan berpendapatan bawah RM720
Bantuan Kanak-kanak	RM100- RM450	Kanak-kanak miskin berumur 18 tahun ke bawah yang tinggal bersama ibubapa/penjaga yang kurang berkemampuan.
Bantuan Geran Pelancaran	maksimum RM2700 sekaligus.	Penerima bantuan yang produktif dan berminat serta berpotensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi.

Tuan Yang dYfYYua,

Kementerian turut menyedari [A^tviingnya bantuan dan sokongan kepada ibiwbu tunggal! terutamanya tialam meningkatkan status sosio- ekonomi mereka to tahap yang lebih basic Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat rnelalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menganjurkan pelbagai program peningkatan kemahiran dan pengupayaan ekonomi khusus untuk ibu-ibu tunggal seperti Projek Agronita, bengkel jahitan dan sulaman, rawatan kecantikan dan salun, bimbingan keusahawanan, kepimpinan, catering dan bakeri.

Salah satu program yang mendapat sambutan baik daripada ibu-ibu tunggal ialah Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal atau I-KIT di mana ibu-ibu tunggal yang berminat untuk menceburi dunia keusahawanan akan dilatih dan dibimbing dalam 8 bclang kemahiran iaitu seni jahitan, terapi kecantikan, masakan komersil, kraftangan, asuhan kanak-kanak dan pelancongan. Kerajaan juga telah rmemperuntukkan sebanyak RM30 juta bagi pelaksanaan Program I-KIT dalam Bajet 2011 ssbagai tanda keprihatinan dan kesungguhan Kerajaan dalam meningkatkan status sosio- ekonomi ibu-ibu tunggal ke tahap yang lebih balk.

Kementerian telah memperkenalkan pendekatan program-program kebajikan produktif atau, dengan izin, "*Productive Welfare*" bagi membantu penerima bantuan kebajikan termasuk ibu-ibu tunggal ke arah hidup berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya melalui program-program berbentuk pembangunan modal insan di bawah Program 1AZAM. Melalui Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama ataupun, dengan izin, '*National Key Result Areas (N-KRAs)*' untuk meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah (*Low Income Households*), ibu tunggal berpotensi yang ditawarkan penyertaan sama ada melalui AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Khidmat dan AZAM Kerja turut menerima bantuan modal yang bersesuaian bagi membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan.

AA AYAH AY:

PEMBERSTAHU PERYAN1YAAM DEWAM RAKYAY

PERTAMYAAM : U8AM
PARI PADA : YB YAM SRG DATIJR SERI SY'ED HA6IID BlihS
SYED JAAFAR ALBAR
TAR8KH : 28 OKTOBER 2010 (KHAIM!58)

SOALAM :

Tan Sri Daiuk Seri Syed Hamid [bin Syed Jaafar Allbar [Kota Tinggi] minta PERDAWA S1EWTERS menyatakan apakah benar Kerajaan bercadang untuk melupuskan hukuman gantung sampai mati di dalam sistem perundangan negara.

JAWAPAN: PAT0^s SERB MOHAS1ED MAZR8 ABDUL AZfIZ
HEMTERi Di JA6ATAM PERDAMA 51EMTER8

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan rasih belum bercadang untuk memansuhkan hukuman mati.

Namun, Kerajaan menyambut baik apa-apa cadangan yang diberikan oleh

NO. SOALAN:2i

mana-mana pihak yang menyokong supaya hukuman mati dimansuhkan. Cadangan tersebut akan diberi pertimbangan yang sewajarnya setelah kajian yang menyeluruh dan penelitian yang rapi dibuat dalam pelbagai aspek dan juga setelah mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak. Perkara ini adalah perlu kerana pemansuhan hukuman mati akan memberikan impak yang besar kepada sistem perundangan Negara ini. Pindaan yang sewajarnya juga perlu dibuat kepada undang-undang jenayah yang tertentu sekiranya hukuman mati dimansuhkan di Negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Lmm

iiLPADA : ¥»B₀ TUAM iSK TECEi HWA
(ISAMU

IAK0KH1 : *2fBQKmBEP,2@m(mmm)*

SOALAMo

Y.B., TUAM E1R TEOBC «A (BAIOT) minta 6iEMTERI GCEKJA RAYA menyatakan hasil pantauan pihak JKR terhadap mutu kerja pembaikan laluan pintas Muar setelah *performance bond* Ranhill dilanjutkan sehingga September 2010. Adakah masalah jalan mengembang dan bertakung air yang membahayakan pengguna akan diselesaikan selepas September, 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, JKR telah melanjutkan bon pelaksanaan kontrak Projek Membina Jalan Pintas Muar (*Muar By-Pass*) bagi tempoh setahun lagi, iaitu sehingga 27 September 2011. Sehubungan itu, kontraktor yang berkenaan, iaitu Ranhill Corporation Sdn. Bhd. masih lagi sedang menjalankan kerja-kerja membaik pulih kerosakan turapan permukaan jalan dan menaik taraf jalan yang mendap, termasuk di kawasan yang terlibat dengan pemetung jalan. Berdasarkan perancangan, kerja-kerja berkenaan dijangka akan disiapkan sepenuhnya sebelum tempoh bon pelaksanaan berakhir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perakuan Siap Membaiki Kecacatan tidak akan dikeluarkan kepada kontraktor terlibat sehingga kerja-kerja pembaikan tersebut disiapkan sepenuhnya mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh JKR.

Sekian, terima kasih.

SCAAAK M(kOM

PEMBBmmum PERIANYAANI pewak rakyat

PEIRIAMYAA^ : JAWAB UBAM

DARSPADA : ¥B PUA6^ HAJAB FU21AK BGMT1 SALLEH
(KUANTAN)

I ARIKH

28 OCTOBER 2010 (ICHAiis)

SQALAM :

Y1 Puan Hajaih Fuziah binti Salleh (Kuantan) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANBTA, KEIUARQA DAM HASYARAKAT
menyatakan adakah Kerajaan sudah mengumpulkan data mengikut
kategori seks dan etnik untuk dilaporkan dalam laporan Kerajaan
CEDAW sebagaimana yang disarankan oleh Jawatankuasa CEDAW.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Susulan daripada pembentangan Laporan Negara CEDAW yang pertama dan kedua pada 24 Mei 2006 di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Jawatankuasa CEDAW telah membuat perakuan supaya data yang disertakan ke dalam laporan yang seterusnya adalah mengikut seks dan etnik. Selaras dengan perakuan tersebut, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil tindakan untuk mendapatkan kerjasama semua kementerian dan agensi Kerajaan yang berkenaan supaya menyediakan data mengikut seks dan etnik. Selain itu, surat arahan bertarikh 16 Oktober 2008 telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara kepada semua kementerian/agensi Kerajaan supaya mengumpul dan menganalisa data mengikut pecahan seks.

Langkah ini akan membolehkan keperluan berbeza antara wanita dan lelaki, terutamanya dari segi faktor biologikal diambil kira dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar, pelan tindakan dan program oleh agensi-agensi Kerajaan. Pengumpulan dan penganalisaan data ini melibatkan pelbagai sektor seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan dan

sosial, termasuk penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan, Selain itu, data mengikut pecahan jantina yang terdapat di setiap kementerian/agensi Kerajaan juga penting untuk dikongsi dan digunakan bersama secara bersama.

➤ ...

ij:s nirvStiffin

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN
DARI PADA
TARIKH
SOALAN

TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)
LISAN 28 OKTOBER 2010 (KHAMIS)

TUAN JEFF OOI CHUAN AUN minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan:

Sama ada Kerajaan masih terikat dengan rancangan untuk menjamin Keselamatan Bekalan Makanan (Food Security) menerusi persediaan beras (*rice stockpile*) sebanyak 292,000 tan metrik bagi memastikan bekalan tidak terputus dalam tempoh 45 hari. Apakah jumlah perbelanjaan berkaitan setakat ini dan apakah jentera-jentera pemantau bagi memastikan tiada sebarang penyelewengan dan pembaziran.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Nasi merupakan makanan ruji bagi penduduk di negara ini. Semasa krisis bekalan makanan global yang berlaku pada bulan April tahun 2008 telah menyebabkan harga beras di pasaran antarabangsa meningkat secara mendadak. Hal ini telah menimbulkan kerisauan di kalangan rakyat sama ada beras di pasaran mencukupi ataupun tidak.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menambah paras stokpail beras negara sebanyak 200,000 tan metrik lagi daripada paras sedia ada

iaitu sebanyak 92,000 ten instrik bagi menampung keperluan apabila berlaku kekurangan bekalan. Keputusan tersebut diambil memandangkan paras stokpail beras negara yang sedia ada hanya mampu bertahan untuk penggunaan selama 14 had manakala paras bsrti dapat menampung keperluan rakyat selama 45 hari. Namtfn degitu, jika mengambi! kira pegangan semua stok beras iaitu pegangan stokpail, Rr.RMAdd Pemboroiy dan Pengilang-pengilang dalam satu-saf.u inasa, keperluan ber^s K:£*mjU dertahan selama <f itati d duian.

Sehingga hari ini, Kerajaan telah msmbelanjakan sebanyak RM328 juta untuk membeli beras stokpail. Beras stokpail ini diurus dan diselenggara oleh BERMAS seSaras dengan Perjanjian Konsesi BERRAS. JumHah ini tidak termasuk dengan kos penyelenggaraan.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi memantau sebarang akiiviti penyelewengan dan pembaziran beras stokpail negara adalah seperti berikut:

- (i) Kawalselia Padi dan Beras serta BERNAS diberi tanggungjawab untuk memantau kualiti dan usia beras stok penimbal dari masa ke semasa melalui proses penyelenggaraan yang dilakukan secara berkala.
- (ii) BERNAS perlu menghantar status jumlah keseluruhan stok penimbal Negara setiap minggu kepada Kawalselia Padi dan Beras.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengimport beras sepenuhnya memandangkan beras tempatan mampu menampung sebahagian daripada keperluan beras negara. Pengimportan beras hanya bertujuan untuk menampung bekalan beras dalam negara yang tidak mencukupi di samping menambah bekalan variasi-variasi beras yang boleh dinikmati oleh rakyat.

SOALAN NO: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE
NIK [SIKJ

TARIKH 28 OKTOBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan kriteria yang digunakan oleh Kementerian dalam menentukan siapakah yang layak menerima komputer riba (Netbook) yang dibekalkan baru-baru ini, mengapakah penyerahan komputer tersebut dibuat di pejabat UMNO dan hampir keseluruhan penerimanya adalah terdiri dari ahli dan penyokong UMNO sahaja.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pelancaran Komputer 1 Malaysia telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2010 di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara. Pengagihan Komputer 1 Malaysia ini diperuntukkan kepada golongan yang berpendapatan rendah.

mALAMMO: m

Arsteira kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia terdiri daripada golongan berpendapatan isi rumah kurang dari RM5,000 sebulan dan tiada langganan jalur lebar di kediaman masing-masing. Pemberian komputer ini **dihadkan** kepada 1 buah komputer bagi setiap rumah yang berkefyafcm

Pfgyigilt&n komputer bagi fasa 1 disasarkan kepada golongan [^lajar sekoiah sahaja dan tidak mengambilkira sebarang afiliasi politik. Adaiiah tidak benar penerima komputer ini di kalangan ahli dan penyokong UMNO.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pengagihan Komputer 1 Malaysia di Kedah umumnya diadakan di dewan sekolah atau Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK). Namun begitu, dalam kes di Sik, dewan bangunan UMNO telah digunakan untuk pengagihan kerana dewan sekolah yang bersesuaian tidak dapat digunakan kerana ianya digunakan untuk peperiksaan percubaan SPM dan PMR yang sedang berlangsung. Lokass PJK juga tidak bersesuaian kerana ianya berada di tingkat dua rumah kedai. Hanya dewan tersebut sesuai digunakan pada waktu itu setelah mengambil kira faktor saiz, jumlah kehadiran, lokasi, logistik dan keselamatan.

SOALAN 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : LISAN**

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN

MOHD YUSOFF [BALIK PULAU]

**DARIPADA
TARIKH**

28 OKTOBER 2010

SOALAN

Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

Jumlah pendapatan yang dihasilkan oleh penduduk-penduduk tempatan (Balik Pulau) hasil daripada program-program pelancongan yang dilaksanakan di Balik Pulau.

JAWAPAN

Tuan "bang dPPeftua,

Dart c'-ip daya tanbara kawasan BaEib PuEau m^iaYiaakan kesndafian afam semulajadi, [YJsaPpusat makanan laut di kawasan berseiifspadan dengan pesisiran pantai dan juga kemudahan homestay yang memberi peluang kepada pelancong untuk mengalami kehidupan masyarakat tempatan yang kaya dengan keunikan kebudayaan dalam suasana perkampungan tradisional Pulau Pinang. Bagi tujuan ini, tig a buah homestay iaitu Homestay Jafan Baharu, Homestay Teluk BaSiang dan Homestay Pulau Betong teSah berdaftar dengan Kementerian PeSancongan yang melibatkan seramai 47 orang pengusaha homestay.

Pelaksaiaan program H@m@sfa^ di kawasan B@05k Pulau tolaSi tberjaya menarik s<sramai 788 ©rang pelancong bagi tempoh Januari hingga Ogos 2010 berbanding seramai 512 ©rang pelancong bagi tempoh yang sama tahun 2009. Jumlah psffidapaian h©m@staf yang teSah diperoieh dari Januari hingga Og©§ 2010 pula telah meniogkat sebanyak S0„S% iaitu sebanyak RHiS4₃235o©0 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2009 iaitu sebanyak IRi333,7@7 J0.

Selain itu, kawasan Balik Pulau juga merupakan salah satu tarikan agropelancongan yang terkenal dengan tanaman-tanaman buah durian, buah pala, cengkih, kelapa serta dusun buah-buahan lain. Pada 25 Jun 2010 yang lalu, Kementerian telah mempromosikan produk agropelancongan Balik Pulau yang terkenal iaitu durian serta buah-buahan tempatan yang lain menerusi program Pesta Makan Buah Durian. Adalah dianggarkan seramai 10,000 pengunjung telah menghadiri pesta tersebut. Program ini telah direncanakan sebagai acara tahunan sempena musim durian pada bulan Mei hingga Julai untuk menarik lebih ramai pelancong ke kawasan Balik Pulau khususnya dan Negeri Pulau Pinang amnya. Pelaksanaan program sedemikian juga akan menjanakan pelbagai peluang perniagaan bagi peniaga-peniaga tempatan.

m, soMjm: xt

PEEWAMYAAM : USAM
 YYAAA : ¥13 DAT'D⁵mEUKOO HAH [BERIUY,S]
 TAAI AH : 23 ' w.100m AY i« (YAAkYT);

SQALAM :
 Dat©! C\Sgefii Koo Ham peruas] minta PERDAIMA ftiEMTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia rnelarang jualan hartanah dengan potongan harga (discount) kepada Bumiputera semata-mata

kerana kaumnya sedangkan amalan ini melanggar Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan dan bukannya satu diskriminasi yang dibenarkan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAM:

Tuan Yang di-Pertua,

Pasal (1) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas mengiktiraf dan melindungi hak sama rata di sisi undang-undang bagi setiap orang di Negara ini. Manakala, Fasal (2) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan melarang diskriminasi di kalangan warganegara Malaysia semata-mata berdasarkan kaum dan keturunan, termasuk mengenai

pegangan atau pelupusan harta melainkan jika dibenarkan secara nyata oleh Perlembagaan Persekutuan.

2. Sehubungan itu, dalam Fasal (1) Perkara 153, Perlembagaan memperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum- kaum lain. Seterusnya, Fasal (2) Perkara 153 Perlembagaan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjalankan fungsinya untuk melindungi kedudukan istimewa *{to safeguard the special position}* orang Melayu dan anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak dan memastikan perizaban bagi orang Melayu dan anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak pada apa-apa kadar yang difikirkan munasabah oleh Yang di-Pertuan Agong termasuk kemudahan khas lain yang diberikan atau diadakan oleh Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan tersebut, Kerajaan boleh mengadakan dasar atau membenarkan penjualan hartanah dengan potongan harga *(discount)* kepada Bumiputera selaras dengan tanggungjawab Yang di- Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa *(to safeguard the special position)* orang Melayu dan anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak.

y aai m wrl 38

PE^BEAAYMYYA PEATAAYAAP:!! DAWAJY AYYAT

YTAYATYYAA : ,YAA2- UYAY

DARI PADA : Y3 TAM! 3R3 DATO' ABB. KHALID B?A

SB RAH 111 (PKR) (BANDAR TUW RA2AK)

TARIKH : 28 OKTOBER 2010 (KHAiIS)

30ALAM :

YB Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim (PKR) (Bandar Tun Razak) minta HENTERf PEIHBAWGUMAM WAMTA, KELUARGA DAN MASYARAFcAT menyatakan satu kajian mengenai gaji pekerja di Malaysia mendapati hampir 34 peratus daripada kira-kira 1,3 juta pekerja memperoleh pendapatan di bawah RM700. Apakah statistik pecahan pendapatan isi rumah mengikut kaum di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian mengenai gaji pekerja di Malaysia tersebut dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia yang bertajuk, dengan izin, *'National Employment Returns'* pada tahun 2009. Data tersebut diperolehi daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di seluruh negara. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, selaku peneraju Bidang Keberhasilan Utama Negara atau lebih dikenali sebagai *National Key Result Area* (NKRA) meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah telah diberi tanggungjawab dalam mencapai sasaran pembasmian kemiskinan pada tahun 2010. Sehubungan itu, Kementerian telah merangka pelbagai inisiatif yang akan dilaksanakan bagi membantu golongan sasaran keluar daripada kepompong kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua,

Golongan sasaran di bawah NKRA ini adalah rakyat Malaysia yang berpendapatan di bawah paras garis kemiskinan. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) melalui Laporan Penyiasatan Pendapatan Isirumah (HIS) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun

2007, mielan tsgar ialah golongan yang mempunyai pendapatan kurang dari Ringgit Malaysia: Ernpat Raiue Tigs Puluh (RM430) bagi Semensnjung Malaysia, F.irignit Malaysia: Lima Ratus Emp.~t Puluh (RM540) bagi Sab?.h c'an Ringgit Malaysia: Urns, Ratus t?ua Puluh (RM520) Sarawak. Manakala pendapatan perkapita isirumah tersebut adalah 'Ringgit Malaysia: Satu Ratur iPMIOO) bsqi ^emenanjiiig, Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sepuiuh (RM110) bagi Sabah dan Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Beias (RM115) bagi Sarawak dengan bilangan isirumah 4.4 Semenanjung, 5.2 bagi Sabah dan 4.6 bagi Sarawak, Sebagai makluman, pendapatan perkapita ialah jumlah pendapatan kesemua ahli isi rumah sebulan dan dibahagikan dengan bilangan ahli isi rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Seterusnya bagi golongan miskin adalah mereka yang mempunyai pendapatan kurang dari Ringgit Malaysia: Tujuh Ratus Dua Puluh (RM720) bagi Semenanjung, Ringgit Malaysia: Sembilan Ratus Enam Puluh (KM960) bags Sabah dan Ringgit Malaysia: Lapan Ratus Tiga Puluh (RM830) bagi Sarawak. Selain itu, golongan mudah miskin pula mereka yang mempunyai pendapatan melebihi PGK bermaksud, dengan izin,

'*threshold*' di bawah Ringgit Malaysia: Satu Ribu Lima

Ratus (RM1,500) bagi bandar dan Ringgit Malaysia: Satu Ribu (RM1.000) bagi luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada senarai asal data eKasih yang dikund pada Disember 2008 iaitu empat puluh empat ribu enam ratus empat puluh tiga (44,643) isi rumah, sehingga 4 Oktober 2010 daripada dua puluh dua ribu tujuh ratus empat puluh lima (22,745) isi rumah miskin tegar terdapat seramai satu ratus sembilan puluh tujuh (197) (0.9%) isi rumah kaum Cina, tujuh puluh tiga (73) (0.3%) isi rumah kaum India dan dua ribu lapan ratus lima puluh satu (2,851) (12.5%) isi rumah kaum Melayu. Baki sembilan belas ribu enam ratus dua puluh empat (19,624) (86.3%) isi rumah adaiah terdiri daripada kaum bumiputera Sabah Sarawak, Orang Asli dan lain-lain kaum. Bagi kategori miskin daripada lima puluh empat ribu tiga ratus empat puluh dua (54,342) isi rumah, seramai tujuh ratus enam belas (716) (1.3%) isi rumah kaum Cina, sembilan ratus dua puluh (920) (1.7%) isi rumah kaum India, dan dua puluh empat ribu lima ratus tiga belas (24,513) (45.1%) isi rumah daripada kaum Melayu. Baki dua puluh lapan ribu satu ratus sembilan puluh tiga (28,193) (51.9%) isi rumah adalah terdiri daripada kaum bumiputera Sabah Sarawak, Orang Asli dan lain-

lain kaum.
0/170 39yd

iwdM d>ia

S8&t>£69
SE0

IS' 91 010

Tuan Yang di-Pertua,

Seterusnya, daripada iapan puluh 4m ribu satu ratus tiga belas (\$2,vi4j isi rumah mudah miskin di Semenanjung, Sabah d9:i tfgrawak, seramai dua ribu satu ratus enatn liu-ia *Ati*) a.o%) isi rumah kaum Cina, satu ribu iapan ratus tiga puSiii (i ,6-^1) (4.2%) isi rumah kaum India dan lima puiuh dua iapan ratus Sims puluh enam (52,856) (04.4%) isi rumah kaum Melayu. BakS dua puluh lima dua ratus enam puiuh satu (25,261) (30,8%) isi rumah adaiah terdiri daripada kaum bumiputera Sabah Sarawak, Grang Asli dan lain-lain kaum.

NO SOALAN : 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR
MAS)
TARIKH : 28.10.2010
(KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membesarkan Angkatan Askar Melayu Di Raja terutamanya bagi menempatkan kem-kem di kawasan bandar bagi membantu menjamin keamanan dan negara daripada berbagai ancaman keselamatan rakyat dan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Strategik Tentera Darat yang telah mengambil kira keperluan Dasar Pertahanan Negara, Kerajaan bercadang untuk mengekalkan paras kekuatan pasukan RAMD yang sedia ada iaitu sebanyak 25 buah batalion yang pada masa kini ditempatkan di 25 kem-kem seluruh negara. Bilangan yang sedia ada mampu untuk menjaga keamanan dan kedaulatan negara.

FEMERITAHUAM PEMTANYAAH DEWAHBAMAAT

PERM j7/A.'M: LISAN

EAEII ADA: Y.& IUAI T AEETJLLAH SAM EEL I aEEUL EMfID'

TARIKH: 23 GKTOBER 2010

SO) ALAN:

Tuan Abdullah Saul bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan kemasukan pekerja-pekerja asing di bawah sektor tertentu supaya pekerja-pekerja tempatan diberi pejuang mengisi jawatan yang disediakan oleh pihak swasta.

PR-1233-L40974

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, gunatenaga di Malaysia telah mencapai tahap "*Full Employment*". Ini kerana kadar pengangguran di Malaysia hanya sebanyak 3.1% iaitu bersamaan seramai 362,100 orang yang sedang menanggung (sehingga Ogos 2010). Malaysia terpaksa menggunakan tenaga kerja asing dalam sektor pembinaan, pembuatan, perkhidmatan, perladangan, pertanian dan pembantu rumah. Pada masa kini 1.8 juta pekerja asing bekerja di Malaysia.
2. Kerajaan secara dasarnya komited untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja asing. Kerajaan sentiasa melihat bahawa keperluan pekerja asing di Malaysia adalah bersifat sementara.
3. Bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga pekerja asing, Kerajaan telah merangka beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:
 - i. Di sektor perladangan, Kerajaan menggalakkan penggunaan

teknologi automasi seperti mesin cantas, alat pembungkusan secara mekanikal dan struktur jaring kalis serangga untuk aktiviti pembungkusan buah.

- ii. Di sektor perkhidmatan, penggunaan mesin mencuci pinggan mangkuk di restoran dan sistem *self service* di restoran dan pam minyak telah dapat mengurangkan tenaga kerja;
- iii. Di sektor pembinaan, penggunaan teknologi berasaskan *Industrial Building System* (IBS) digalakkan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh;
- iv. KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengadakan rundingan dengan majikan supaya bayaran upah yang lebih tinggi dan lain- lain kemudahan ditawarkan kepada pekerja sebagai tarikan kepada pekerja tempatan.;
- v. Penempatan industri pembuatan dan perkilangan di kawasan-kawasan dimana ramai tenaga kerja seperti di luar bandar bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam sektor perkilangan dan pembuatan;
- vi. Terdapat 6.973 juta *latent workforce* (sehingga Ogos 2010) yang terdiri daripada golongan suri rumah, ibu tunggal, pesara, orang kurang upaya dan pelajar institusi pengajian tinggi yang boleh bekerja secara separa masa. Majikan digalakkan untuk mengambil *latent workforce* bagi memberi peluang pekerjaan serta mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing;
- vii. Membekukan pengambilan pekerja asing dalam sektor perkhidmatan kecuali dalam sub-sektor tukang masak, pekerja pembersihan, pencucian dan pekerja resort peranginan; dan
- viii. Kos penggajian pekerja asing dinaikkan dimana Levi pekerja asing dibayar oleh majikan.

4. Bagi menggalakkan warganegara Malaysia menggantikan kerja-kerja y&ng majoritinya dipenuhi oleh warga asing, tindakan berikut telah diambil:

- i. Mengadaif.au Program Penempatan Pekerjaan (3P) di tempat-tempat dimana ramai tenaga kerja yang boMi didaftar dan

- ditemuduga oleh majikan-majikan yang menyertai program 31P;
- ii. Menarik minat golongan *latent workforce* seramai 6.973 juta (sehingga Ogos 2010) yang terdiri daripada golongan suri rumah, ibu tunggal, pesara, orang kurang upaya ds. pelajar institusi pengajian tinggi supaya bekerja secara separa masa (*part time*) mengikut kesesuaian masa masing-masing;
 - iii. Penubuhan Pusat Asuhan Kanak-Kanalc (PAKK) bagi memberi peluang kepada ibu-ibu yang mempunyai anak kecil keluar bekerja dan anak diletakkan untuk dijaga di PAKK; dan
 - iv. Memperkenalkan program-program untuk menjayakan Dasar Pendapatan Tinggi (*High Income Policy*) bagi meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan dalam sektor-sektor utama yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan akan menubuhkan Perbadanan Bakat (*Talent Corporation*) pada awal tahun 2011 untuk menarik, memotivasi dan mengekalkan modal insane yang berkemahiran dari dalam dan luar Negara.

Soalan No : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
(JERAI)

TARIKH

28.10.2010

Soalan No : 42

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah benar Kementerian akan menyalurkan peruntukan kepada pembinaan SRJK Tamil, Sungai Tok Pawang seperti jawapan bertulis sebelum ini dan nyatakan status peruntukan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan sebidang tanah bagi tujuan pembinaan SJKT Sungai Tok Pawang. Projek pembinaan sekolah tersebut akan dimulakan selepas proses pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Sebanyak RM1.86 juta telah diperuntukan untuk pembinaan blok bangunan baru sekolah tersebut melibatkan satu blok 2 tingkat.

PEEBERGTAHUAM PERTANYAAN BAGS JAWAB USAN ^{im Aim: 46}
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN “ LISAN
DARIPADA : GOBALAKRBSHAM A/L MAGAPAN
[PADAMG SERAI]
TAR11KH : 28 OKTOBER 2010
RUJUKAN 3050

SOALAN:

Gobalakrishan a/l Nagapam [Padang Serai] minta S1ENTER1 DALAI
NEGERI menyatakan mengapakah tindakan tidak memberi
permit dilakukan kepada kartunis Zunar untuk menerbitkan majalah
kartunnya. Apakah kandungan kartun yang dilukis memiliki sebarang
kandungan yang tidak benar dan mengancam keselamatan negara.


JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang

mengemukakan soalan.

Zulkiflee bin SM Anwar Ulhaque ataupun Zunar hanya memohon permit penerbitan bagi komik bertajuk "Gedung Kartun". Namun demikian, permit penerbitan bagi komik tersebut tidak diluluskan kerana isi kandungannya didapati menyalahi Garis Panduan Penerbitan Kementerian seperti yang ditetapkan di bawah peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Isi kandungan penerbitan tersebut mengandungi unsur-unsur tohmahan dan spekulasi serta tuduhan-tuduhan tidak berasas serta boleh menimbulkan kebencian dan kemarahan masyarakat terhadap pemimpin negara. Penerbitan tersebut juga boleh memudaratkan ketenteraman awam dan kepentingan negara.



1. Faktor individu (remaja)

- a) Remaja kurang pengetahuan dari segi seksualiti dan kebanyakan mereka kurang prihatin apabila haid mereka terhenti walaupun ini merupakan salah satu tanda kehamilan.